

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN SEMPENA TAHUN BARU 1993

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 1992

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya kita masih dapat menyambut tahun baru dalam suasana aman dan tenteram. Dalam dunia yang bergelora di mana peperangan, pergaduhan dan kebuluran terus berlaku di sana sini, keamanan dan kestabilan yang kita alami ini adalah rahmat dan nikmat yang besar yang perlu kita hargai. Di samping itu, dalam dunia di mana ekonomi merosot di merata-rata tempat kita masih terus maju dan makmur. Justeru itu, kita harus bertambah bersyukur dengan prestasi dan keadaan yang kita alami sepanjang tahun 1992, yang mana ianya adalah dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berkat sikap kesederhanaan serta usaha gigih rakyat berbilang kaum negara ini.

2. Kestabilan negara yang terus wujud adalah hasil kerjasama semua kaum yang sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan perpaduan dan keharmonian kaum sentiasa terpelihara di negara ini. Kunci utama kepada perpaduan yang kita banggakan ini ialah semangat toleransi dan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain yang kita amalkan. Dengan wujudnya perpaduan dan kerjasama yang sentiasa erat antara kaum ini, kita telah berjaya melahirkan sebuah negara yang terus stabil daripada segi politik, ekonomi dan sosial. Kestabilan ini jugalah yang telah membolehkan kita berjaya untuk menarik pelaburan asing, salah satu faktor yang telah membantu kita mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

3. Selama lima tahun berturut-turut, Malaysia telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kadar pertumbuhan yang tinggi telah membolehkan negara terus menyediakan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan bagi kesejahteraan rakyat. Kini rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Rakyat Malaysia bukan sahaja mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang baik, tetapi juga dapat menikmati berbagai-bagai lagi kemudahan yang biasanya terdapat hanya di negara-negara yang telah maju. Pendapatan yang lebih tinggi telah juga meningkatkan kuasa membeli rakyat negara ini. Di samping itu, kita juga mempunyai kemudahan kesihatan dan pendidikan yang terbaik antara negara-negara membangun. Ini adalah antara banyak nikmat yang rakyat Malaysia perolehi hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat.

4. Jika dahulu ramai yang meramalkan Malaysia, dengan penduduk berbilang kaumnya dan keperluannya mengagihkan kekayaan antara kaum, akan mengalami kemerosotan dan ketidakstabilan, hari ini jelas bahawa semua ramalan itu tidak tepat. Sebaliknya negara dapat membuktikan bahawa proses penyusunan semula masyarakat atau 'social engineering' kita bukan sahaja tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi tetapi juga pertumbuhan yang tinggi dapat dicapai dalam suasana yang aman dan stabil. Demikianlah kejayaan ini sehingga banyak negara asing menganggap Malaysia sebagai contoh pembangunan dalam masyarakat majmuk dan demokratik.

5. Sementara kita boleh berbangga dengan kejayaan ekonomi negara, kita juga harus berhati-hati kerana pertumbuhan yang tinggi ini mungkin tidak akan berterusan. Setelah tumbuh dengan pesat lima tahun berturut-turut, ekonomi negara dijangka akan mengalami proses konsolidasi. Walaupun tanda-tanda awal menunjukkan bahawa pemulihan sedang berlaku, terutama di Jepun dan Amerika Syarikat, kebanyakan ekonomi negara-negara perindustrian masih lembab. Perkembangan-perkembangan terbaru dalam rundingan GATT, EC, dan NAFTA, di samping membuka peluang-peluang baru, dijangka akan memberi cabaran kepada ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian, kita menjangkakan ekonomi negara akan tumbuh pada kadar 8 peratus tahun depan berbanding 8.5 peratus tahun ini. Walaupun ini satu kadar yang masih menggalakkan, kita tidak boleh lagi 'take for granted' pertumbuhan ekonomi akan selalunya tinggi.

6. Justeru itu, Kerajaan memerlukan kerjasama semua pihak untuk menentukan ekonomi negara masih mampu mencatat kadar pertumbuhan yang dikehendaki. Ini penting kerana pembangunan dan kemajuan kita bergantung kepada pertumbuhan ekonomi yang sihat dan berterusan. Tanggungjawab menentukan ekonomi negara akan terus berkembang dengan baik bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Ianya merupakan tanggungjawab dan tugas semua pihak.

7. Rakyat boleh memainkan peranan dengan berjimat-cermat dan tidak berbelanja dengan boros dalam usaha kita membendung inflasi. Mereka hendaklah juga meningkatkan simpanan supaya ianya dapat digunakan untuk pelaburan yang produktif. Simpanan tempatan yang kukuh adalah asas yang diperlukan bagi menjamin pelaburan dalam negeri dapat dipertingkatkan lagi. Oleh itu, pengurangan penggunaan yang berlebihan untuk mengawal inflasi dan galakan simpanan adalah penting.

8. Para pekerja pula boleh menyumbang dengan meningkatkan lagi produktiviti, kecekapan dan tidak membuat tuntutan kenaikan gaji yang tidak munasabah. Sebarang peningkatan upah hendaklah dibuat selaras dengan peningkatan produktiviti. Kenaikan upah yang tidak diikuti dengan produktiviti yang lebih tinggi akan hanya menyebabkan barang-barang keluaran Malaysia menjadi tidak kompetitif. Apabila ini berlaku, yang sama-sama rugi ialah pekerja

sendiri di samping majikan dan negara.

9. Para pengeksport pula hendaklah lebih agresif dan membuat penyesuaian yang perlu bagi merebut peluang-peluang yang muncul daripada perubahan senario ekonomi dan politik antarabangsa. Mereka juga harus berani menerokai pasaran-pasaran baru dan bukan sahaja menghadkan kepada pasaran tradisional untuk meluaskan pasaran bagi barangan kita. Dalam hal ini, Kerajaan telahpun membuka jalan dengan menjalin dan meningkatkan hubungan dengan negara-negara Selatan. Terpulanglah kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mengambil kesempatan daripada keadaan ini.

10. Kita mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk menjadi sebuah negara maju. Di samping sumber asli yang banyak, kita juga mempunyai sumber manusia yang berkemampuan. Tetapi sumber-sumber ini sahaja tidak mencukupi. Untuk berjaya, kita juga perlu membuat perubahan sikap dan berdisiplin. Sikap-sikap negatif yang boleh menghalang pencapaian prestasi yang lebih cemerlang hendaklah dibuang. Sebaliknya kita hendaklah menanam nilai-nilai murni seperti rajin bekerja dan amanah. Kita juga hendaklah berpegang teguh kepada disiplin kerana disiplin yang tinggi adalah antara faktor yang penting yang dapat menjamin negara terus maju dan makmur.

11. Saya yakin jika semua pihak menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka dengan berkesan dan berusaha bersungguh-sungguh, negara akan dapat menghadapi segala cabaran di dalam tahun 1993 dan tahun-tahun akan datang. Selama ini kita telah membuktikan kemampuan kita untuk menghadapi berbagai-bagai cabaran. Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh mengatasi cabaran-cabaran dalam tahun 1993.

12. Seperti yang kerap saya tegaskan kestabilan politik negara adalah penting dalam usaha kita untuk mencapai kemajuan. Tanpa kestabilan politik kita tidak akan berjaya mencapai taraf negara maju yang kita idamkan. Oleh itu, adalah diharapkan rakyat Malaysia akan terus memelihara perpaduan dan keharmonian kaum yang sedia ada agar negara akan terus mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan. Kita seharusnya mengambil teladan daripada apa yang berlaku di beberapa negara di dunia di mana persengketaan kaum telah berlaku. Persengketaan kaum yang berlaku ini bukan sahaja telah menimbulkan kesukaran hidup bagi rakyat, tetapi juga apabila ianya meletus adalah didapati amat sukar untuk mengatasinya. Justeru itu, marilah kita meningkatkan azam untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum yang kita nikmati sekarang. Sebenarnya negara kita yang berbilang kaum, kebudayaan dan agama boleh dijadikan sumber kekuatan untuk membolehkan negara terus maju.

13. Akhir sekali, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia dan berharap agar tahun 1993 akan memberi lebih banyak kejayaan dan kemakmuran kepada kita semua.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum

warahmatullahi wabarakatuh.